

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]

TARIKH : 9.6.2015

SOALAN :

Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) jumlah bayaran yuran sekolah yang telah dimansuhkan bayarannya di semua sekolah di bawah Kementerian; dan
- (b) adakah cadangan untuk menetapkan secara tetap bayaran lain seperti pembelian buku kerja, barang keperluan asas pelajar seperti baju sukan, seluar, tali leher serta sumbangan PIBG yang juga tinggi bayarannya dan adakah Kementerian akan mengkaji semula kadar pemberian Bantuan Persekolahan agar dapat dinaikkan lagi supaya membantu meringankan golongan bawahan serta pertengahan di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan komited menyediakan peruntukan besar dalam menampung kos pendidikan di semua peringkat pendidikan termasuklah dalam usaha meringankan beban kewangan ibu bapa. Mulai tahun 2012, Kerajaan telah memansuhkan Bayaran Tambahan Persekolahan yang sebelum ini dikenakan kepada setiap ibu bapa/penjaga murid dan perlu dijelaskan pada awal

tahun persekolahan. Ia merangkumi perbelanjaan bagi beberapa perkara yang dianggap sebagai perkhidmatan dan kemudahan tambahan di sekolah iaitu Kokurikulum, Kertas Ujian Dalaman, Sukan Tahunan Sekolah, Kegiatan Pendidikan Islam/Pendidikan Moral, Yuran Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM) dan Insurans Takaful.

Dengan pemansuhan tersebut, Kerajaan bersedia menanggung keseluruhan kos bayaran tambahan yang terlibat melalui pemberian Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan (BBTP) sebanyak RM1.50 untuk setiap murid prasekolah, murid Tahun 1 hingga Tahun 6 dan RM33.50 bagi setiap murid Peralihan/Tingkatan 1 sehingga murid Pra Universiti.

- (b) Bagi pelaksanaan bayaran lain persekolahan, pihak sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) diingatkan agar cadangan bayaran-bayaran lain perlu dibentang, dibincang, diputuskan di dalam Mesyuarat Agung PIBG. KPM juga telah mengeluarkan Surat Siaran Bilangan 4 Tahun 2011: Garis Panduan Kutipan/Bayaran Keperluan Persekolahan Murid Di Sekolah Kerajaan Dan Sekolah Bantuan Kerajaan bertarikh 14 November 2011 bagi menyatakan maksud tatacara dan kaedah yang dibolehkan untuk mengutip sumbangan yang diperlukan.

Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia sebanyak RM100 bagi seorang murid diberikan mulai tahun 2012 bagi meringankan beban perbelanjaan persekolahan pada awal tahun yang ditanggung oleh ibu bapa atau penjaga. Bantuan tersebut telah

diberi kepada setiap murid warganegara Malaysia dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5 tanpa mengambil kira pendapatan keluarga. Kenaikan kadar bayaran bantuan persekolahan sedang dipertimbangkan, walau bagaimanapun, pelaksanaannya tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan.

RJM69